



## PERATURAN KAMSIS PBU

1. Dasar dan peraturan yang terkandung Peraturan Kamsis PBU adalah berasaskan kepada Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib), 1976 dan Peraturan Politeknik Balik Pulau.
2. Penempatan yang disediakan di Kamsis PBU adalah merupakan satu kemudahan dan bukan hak tersendiri.
3. Pihak berkuasa Kamsis boleh menarik balik tawaran tempat tinggal di Kamsis PBU atas sebab-sebab kepentingan politeknik.
4. Yuran Kamsis, wang kebajikan dan lain-lain bayaran hendaklah dibuat sepenuhnya untuk penginapan bagi satu semester pengajian pada hari pendaftaran atau pada tarikh pelajar mula tinggal di Kamsis.
5. Pelajar yang menarik diri setelah pendaftaran Kamsis dibuat tidak akan mendapat balik yuran Kamsisnya.
6. Hanya pelajar yang berdaftar sebagai penghuni Kamsis PBU sahaja dibenarkan tinggal di Kamsis PBU.
7. Penghuni Kamsis tidak dibenarkan menarik diri dari menjadi penghuni Kamsis PBU atau keluar untuk tinggal di luar tanpa kebenaran pihak ibu bapa, penjaga atau pihak berkuasa Kamsis.
8. Pihak berkuasa Kamsis boleh mengarah seseorang penghuni mengosongkan biliknya atau berpindah ke tempat tinggal yang lain pada bila-bila masa sekiranya perlu.
9. Penghuni Kamsis tidak dibenarkan memberi tumpangan penginapan kepada mana-mana tetamu atau pelawat di mana-mana bilik di Kamsis PBU.
10. Pertukaran bilik adalah tidak dibenarkan. Sebarang pertukaran bilik atas sebab kesihatan atau lain-lain sebab perlu diperakukan oleh Pegawai Perubatan dan mendapat kebenaran pihak berkuasa Kamsis.
11. Penghuni bilik adalah bertanggungjawab memelihara harta-benda kerajaan yang disediakan. Bayaran denda atau gantirugi akan dikenakan jika berlaku kerosakan, kecemaran, kekotoran ataupun kehilangan mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Kamsis.
12. Kebersihan bilik asrama hendaklah menjadi amalan dan tanggungjawab penghuni bilik berkenaan semasa menginap di bilik asrama tersebut.
13. Dilarang menampal sebarang kertas pada dinding bilik, perabut atau pada peralatan Kamsis yang terdapat di dalam bilik asrama dengan menggunakan gam kekal.
14. Penghuni bilik diwajibkan mematikan (switch-off) lampu, kipas dan sebarang peralatan elektrik setiap kali meninggalkan biliknya.
15. Pelajar hendaklah berpakaian kemas dan sesuai pada setiap masa di kawasan Kamsis.
16. Memakai pakaian yang dianggap kurang sopan seperti seluar pendek, baju yang tidak berlengan atau pakaian yang kecil dan ketat atau pakaian yang bertulis kata-kata yang hina atau menghina atau mempunyai gambar atau lukisan yang tidak bersesuaian dengan budaya ketimuran adalah dilarang.
17. Semasa bersukan dan aktiviti ko-kurikulum, semua pelajar-pelajar muslim dimestikan berpakaian yang menutup aurat dan bersopan bagi yang bukan muslim.
18. Bertudung kepala bagi pelajar perempuan beragama Islam adalah diwajibkan pada setiap masa.
19. Bagi pelajar perempuan bukan beragama Islam, rambut hendaklah sentiasa kemas. Rambut yang mengerbang atau rambut yang beraneka fesyen adalah ditegah.
20. Semua pelajar lelaki adalah dilarang memakai apa jua bentuk rantai leher atau rantai lengan atau subang.
21. Memasak di Kamsis adalah **tidak dibenarkan**.
22. Hanya bahan makanan dan minuman yang halal di sisi agama Islam sahaja dibenarkan untuk dibawa ke Kamsis.
23. Peralatan muzik atau alat muzik seperti gitar, drum, trumpet adalah dilarang dan tidak dibenarkan.
24. Peralatan elektrik/elektronik seperti periuk nasi, *heater*, televisyen, peti sejuk, peralatan audio video dan pengering rambut (*hair dryer*) adalah dilarang dan tidak dibenarkan.
25. Segala bentuk penyambung elektrik atau pengubahsuaian sambungan elektrik di bilik atau di mana-mana bahagian bangunan Kamsis adalah ditegah.
26. Penghuni adalah dilarang membuat bising dengan apa cara sekalipun sehingga mengganggu ketenteraman di Kamsis penghuni lain.
27. Penghuni Kamsis dilarang dan ditegah menyimpan dan memelihara apa jua jenis binatang di dalam dan di luar bilik asrama.

28. Penghuni dilarang berada di mana-mana kawasan Kamsis atau kawasan kampus PBU selepas jam 10.45 malam kecuali di bilik asrama masing-masing atau di bilik Studi/Belajar yang disediakan oleh pihak berkuasa Kamsis.
29. Penghuni yang membawa masuk seseorang bukan penghuni Kamsis yang berdaftar ke bilik atau ke kawasan bangunan blok Kamsis tanpa kebenaran pihak berkuasa Kamsis akan dikenakan tindakan tatatertib.
30. Penghuni Kamsis lelaki dan perempuan yang keluar dari kawasan kampus PBU atas urusan harian dikehendaki masuk semula ke kampus tidak lewat dari jam 10.00 malam pada hari yang sama.
31. Penghuni Kamsis yang keluar dari kawasan kampus PBU atas urusan harian perlu meninggalkan 'Kad Keluar Kawasan' di Pondok Pengawal dan mendapatkannya kembali pada hari yang sama apabila memasuki kampus PBU.
32. Penghuni Kamsis lelaki dan perempuan yang bermalam di luar kampus atau balik kampung pada hujung minggu, cuti umum atau cuti pendek dikehendaki masuk semula ke kampus tidak lewat dari jam 10.00 malam pada hari terakhir cuti.
33. Penghuni Kamsis yang bercadang bermalam di luar kampus atau balik kampung pada hujung minggu, cuti umum atau cuti pendek dikehendaki mendapat kelulusan yang daripada warden bertugas sebelum meninggalkan kawasan kampus PBU.
34. Penghuni Kamsis yang tidak mengikut peraturan atau prosedur 'Keluar-Masuk' kawasan kampus termasuk kawasan asrama PBU, maka akan dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak berkuasa Kamsis.
35. Penghuni Kamsis yang berkenaan adalah diwajibkan menghadiri, mengikuti dan mengambil bahagian di dalam apa-apa perjumpaan, perhimpunan, ceramah, taklimat dan lain-lain aktiviti yang dianjurkan oleh pihak berkuasa Kamsis.
36. Pelajar lelaki dan wanita yang berdua-duaan dalam keadaan yang kurang sopan dan mencurigakan dengan pelajar politeknik atau orang luar yang berlainan jantina di mana-mana kawasan kampus politeknik atau di luar kampus politeknik adalah ditegah dan dilarang.
37. Kawasan blok kediaman pelajar wanita adalah menjadi kawasan larangan kepada pelajar atau pelawat lelaki dan kawasan blok kediaman lelaki adalah menjadi kawasan larangan pelajar atau pelawat wanita.
38. Sebarang bentuk ancaman, ugutan, deraan atau 'ragging' adalah dilarang.
39. Tiada seorang pelajar boleh ada di dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bentuk bahan lucah (termasuk di dalam telefon bimbit atau dalam komputer), jenis dadah, bahan beracun, bahan yang memabukkan dan apa-apa jenis rokok juga apa-apa jenis senjata di kawasan Kamsis.
40. Pelajar adalah dilarang melibatkan diri dengan najis dadah, minuman keras, berjudi, mencuri atau kegiatan politik, kumpulan haram dan apa-apa kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara.
41. Basikal, motosikal dan kereta pelajar tidak dibenarkan dibawa masuk dan diletakkan (parking) ke dalam kawasan Kamsis PBU kecuali mendapat kelulusan dari pihak berkuasa Kamsis.
42. Menjadi kewajipan setiap pelajar muslimin dan muslimat untuk menunaikan solat 5 waktu setiap hari.
43. Pelajar muslimin diwajibkan untuk menunaikan solat Jumaat.
44. Penghuni Kamsis hendaklah sentiasa berkelakuan baik, berdisiplin dan berhemah tinggi serta memelihara suasana tenteram dan harmoni di Kamsis.
45. Pelajar adalah dilarang berkelakuan sumbang seperti khalwat, zina, bohsia, bohjan dan sebagainya di dalam dan di luar kampus politeknik.
46. Berniaga tanpa kebenaran pihak berkuasa Kamsis adalah dilarang.
47. Pelajar Kamsis PBU hendaklah melekatkan pekat Kamsis PBU pada kad matrik PBU.
48. Masa lawatan Waris menemui penghuni Kamsis PBU ditetapkan seperti berikut :
  - (i) Hari Kuliah : 5.00 petang hingga 7.00 malam
  - (ii) Hari Cuti : 8.00 pagi hingga 7.00 malam
49. Waris/Tetamu semasa melawat penghuni Kamsis dikehendaki menunggu dan menemui penghuni Kamsis ditempat/wakaf yang ditetapkan atau di Kafeteria PBU sahaja. Waris/Tetamu tidak dibenarkan masuk ke kawasan Kamsis PBU kecuali dengan kelulusan pihak berkuasa Kamsis.

\*\*\*\*\*  
 \*\*\*\*\*  
 \*\*\*\*\*